

**TEKS UCAPAN
PERASMIAN
YBHG. PROFESOR DATUK DR. HAJAH
ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSELOR UiTM**

Sempena

**SAMBUTAN HARI ARKIB
ANTARABANGSA PERINGKAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

9 JUN 2023

**JABATAN ARKIB UNIVERSITI,
UiTM SHAH ALAM**

Bismillahirrahmanirrahim

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA 'ALAAALIHI WASOHBHI AJMA'IN.**

[SALUTASI – kemaskini berdasarkan kehadiran]

Yang Berbahagia Ts. Haji Azizi Bin Haji Jantan

Ketua Timbalan Pustakawan

Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan Perpustakaan Tun
Abdul Razak UiTM

Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Haryani Haron

Penolong Naib Canselor

Kolej Pengajian Pengkomputeran Informatik &
Media

Yang Berbahagia Prof. Dr. Shahanum Md Shah

Penolong Naib Canselor

Kolej Pengajian Seni Kreatif

Yang Berbahagia Prof. Dr. Hajah Farida Zuraina

Mohd Yusof

Dekan Fakulti Sains Gunaan

Seterusnya, para hadirin yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala atas limpah kurnia-Nya serta kesempatan dan ruang yang diberikan, dapat kita bersama-sama berkumpul bagi **Sambutan Hari Arkib Antarabangsa Peringkat Universiti Teknologi MARA.**

2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam, atas inisiatif menganjurkan program ini.

Para hadirin yang dihormati,

3. Hari Arkib Antarabangsa disambut pada 9 Jun setiap tahun. Tarikh 9 Jun dipilih sebagai sambutan Hari Arkib

Antarabangsa bersempena dengan tarikh penubuhan Majlis Arkib Antarabangsa / *International Council of Archive* (ICA) yang ditubuhkan pada 9 Jun 1948. Sambutan ini adalah sangat signifikan bagi sesebuah institusi arkib dalam memberikan kesedaran dan kefahaman berkaitan dengan peranan institusi arkib dan fungsi.

4. Hampir kesemua bahan-bahan arkib adalah berkaitan dengan ingatan mahupun memori yang merupakan sumber maklumat primer dan utama tentang identiti serta menjadi warisan yang amat penting sekali.

5. Selain itu, rekod-rekod yang mempunyai nilai-nilai pentadbiran, perundangan, kewangan, penyelidikan,

sejarah dan kebangsaan perlu dinilai sama ada perlu disimpan sementara atau kekal di Arkib Negara Malaysia. Proses penilaian rekod ini adalah penting bagi memastikan rekod yang bernilai dapat dipelihara dan menjadi sumber rujukan.

6. Saya berharap Sambutan Hari Akib Antarabangsa ini dapat dijadikan sebagai acara tahunan bagi memastikan institusi arkib kekal relevan dalam memelihara memori institusi pada masa akan datang.

7. Sesungguhnya, inisiatif pelaksanaan program ini dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengurusan kanan tentang faedah pengurusan rekod untuk tadbir urus dan pembangunan yang baik.

8. Di samping dapat meningkatkan pemahaman warga UiTM tentang keperluan pemeliharaan dan akses arkib jangka panjang.

9. Justeru itu, saya menyeru, warga UiTM untuk sama-sama membantu mengumpul dan memperkayakan lagi bahan arkib ini.

Hadirin Sekalian,

10. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis ini. Saya yakin, dengan usaha dan komitmen yang

telah diberikan, pelbagai impak yang positif akan dihasilkan.

11. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan **SAMBUTAN HARI ARKIB ANTARABANGSA PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.**

Sekian.

Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh